

05 NOV 1997

Mahathir-dialog

DIALOG G15 DAN G7 SEPERTI TANGO, KATA DR MAHATHIR

KUALA LUMPUR, 5 Nov (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad menyifatkan langkah ke arah menjalin dialog bermakna antara Kumpulan Tujuh negara maju (G7) dan Kumpulan 15 negara membangun (G15) sebagai satu tarian tango yang memerlukan "dua orang untuk melakukannya".

Sambil menegaskan bahawa G15 perlukan tindak balas daripada G7, Perdana Menteri berkata Jepun, satu-satunya negara Asia dalam G7, telah berjanji untuk mengemukakan pendapat G15 kepada kumpulan negara-negara maju itu.

Dr Mahathir berkata Presiden Jacques Chirac dari Perancis telah mengutus surat kepada beliau selaku pengerusi G15 untuk menyatakan betapa perlunya kedua-dua kumpulan itu bekerja lebih rapat.

Kerjasama ini mungkin dalam bentuk perwakilan masing-masing dalam mesyuarat mereka, katanya pada persidangan berita di akhir sidang kemuncak ketujuh G15 di sini hari ini.

"Jadi, kita sedang mencapai kemajuan...akhirnya kita mungkin dapat bertango," kata Dr Mahathir yang mempengerusikan sidang kemuncak tiga hari itu yang turut merangkumi perentian sehari di Melaka semalam.

Dalam pernyataan bersama mereka, pemimpin-pemimpin G15 menyambut baik saranan G7 agar perkongsian baru peringkat global diwujudkan antara negara maju dan membangun.

G-15 terdiri daripada Algeria, Argentina, Brazil, Chile, India, Indonesia, Jamaica, Kenya, Malaysia, Mesir, Mexico, Nigeria, Peru, Senegal, Venezuela dan Zimbabwe. Kenya diterima sebagai anggota terbaru di sini.

Mengenai kerjasama Selatan-Selatan, Dr Mahathir berkata banyak hasil telah dicapai sejak G15 ditubuhkan lapan tahun lepas.

"Kini kita saling lebih mengenali, kita lebih banyak saling berkunjung dan perdagangan kita bertambah besar," katanya.

Bagi Malaysia yang kuat menyokong kerjasama Selatan-Selatan, Dr Mahathir menyebut, sebagai contoh, perdagangannya dengan Peru yang semakin meningkat.

Daripada US\$6 juta lima tahun lepas, perdagangan antara kedua-dua negara kini berjumlah US\$100 juta. -- BERNAMA

AZZ MAI